



## Program

Sambutan Hari Inovasi 2012 Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)

## Tarikh / Masa

30 Oktober hingga 1 November 2012 (3 Hari) : Hari Selasa hingga Khamis  
9.00 pagi hingga 5.00 petang

## Tempat

Dataran Muzium Negara, Jalan Damansara, Kuala Lumpur

## Objektif Sambutan Hari Inovasi 2012 KPKK

- memperkukuhkan nilai-nilai budaya inovasi dan meningkatkan kesedaran tentang kualiti di kalangan anggota Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan serta Jabatan/Agensi di bawahnya;
- membolehkan pihak pengurusan dan semua anggota Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan serta Jabatan/Agensi di bawahnya memperbaharui komitmen mereka terhadap usaha-usaha peningkatan inovasi; dan
- menyedarkan semua anggota termasuk pihak pengurusan Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan bahawa inovasi adalah tanggungjawab bersama.

## Tema Sambutan Hari Inovasi 2012 KPKK

*Menggarap Kreativiti Membudayakan Inovasi*

Inovasi ditafsirkan sebagai cetus idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Inovasi yang dihasilkan ini berupaya menambah baik nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan yang sedia ada. Kesan inovasi yang menjadi budaya menjana proses perubahan dari konvensional kepada suatu keadaan yang lebih produktif dan sistematik yang memberi impak optima kepada pelanggan serta berupaya memartabatkan gagasan 1Malaysia untuk mewujudkan sebuah negara bangsa melalui wadah penerangan, komunikasi dan kebudayaan.



## Aktiviti Hari Inovasi 2012 KPKK

- **Ceramah Perdana Hari Inovasi**  
1 November 2012 : Hari Khamis  
8.00 pagi  
Auditorium Jabatan Muzium Malaysia
  - **Ucap Utama Sambutan Hari Inovasi**  
1 November 2012 : Hari Khamis  
8.00 pagi  
Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur  
Oleh : YB Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim,  
Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan
  - **Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)**  
30 & 31 Oktober 2012 (2 hari) : Selasa dan Rabu  
8.00 pagi hingga 5.00 petang  
Auditorium Jabatan Muzium Malaysia  
Perasmi : YBhg. Dato' Sri Kamaruddin Siaraf  
Ketua Setiausaha KPKK
    - ▶ Tujuh belas (17) kumpulan mengambil bahagian terdiri bahagian-bahagian di Kementerian, serta jabatan dan agensi di bawahnya.
  - **Anugerah Inovasi**
    - ▶ Enam (6) kategori Pertandingan Inovasi 2012 dipertandingkan sempena menyemarakkan Sambutan Hari Inovasi 2012 KPKK iaitu Inovasi Terbaik, Kumpulan KIK Terbaik, Penulisan Kreatif, Reka Cipta Logo Inovasi, Keceriaan Pejabat Terbaik dan Pameran Terbaik. Pemenang inovasi bagi setiap kategori akan menerima anugerah pada Majlis Sambutan Hari Inovasi.
  - **Pameran Hari Inovasi**  
30 & 31 Oktober dan 1 November 2012 (3 hari) : Hari Selasa hingga Khamis  
9.00 pagi hingga 5.00 petang  
Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur
    - ▶ 24 gerai (*booth*) pameran Kementerian, Jabatan dan Agensi mengambil bahagian. Pengisian aktiviti dan bahan pameran adalah seperti pameran pelbagai produk/perkhidmatan jabatan/agensi, Sesi Taklimat mengenai Fungsi dan Tanggungjawab KPKK, Soalan Kuiz dan Acara Cabutan Bertuah.
  - **Hari Bertemu Pelanggan**  
30 Oktober hingga 1 November 2012 (3 hari) : Hari Selasa hingga Khamis  
9.00 pagi hingga 5.00 petang  
Gerai No. 1, Dataran Muzium Negara, Kuala Lumpur
- 